



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 30 Mac 2023

KitKat® Lancar Coklat-Bermotif-Ketupat Pertama Sempena Kempen Raya “*Rezeki Dikongsi Bersama*”

KitKat® Nestlé menyambut ketibaan bulan Ramadan dan kemeriahkan Hari Raya tahun ini dengan pelancaran kempen “*Rezeki Dikongsi Bersama*” bagi meraikan semangat perkongsian dan persaudaraan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Kempen ini menawarkan produk edisi terhad Raya yang menarik, muzik video animasi Raya KitKat® dan pelbagai kolaborasi istimewa lain.

Frederic Porchet, Pegawai Eksekutif Perniagaan bagi Unit Perniagaan Konfeksi menjelaskan bahawa kempen Raya “*Rezeki Dikongsi Bersama*” KitKat® bertujuan mengeratkan hubungan sesama insan melalui perkongsian saat-saat manis dan sukar dilupakan bersama KitKat®. “Bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya yang menyusul selepas itu merupakan perayaan yang membawa erti bagi rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan latar belakang. Inilah masanya untuk berkumpul bersama keluarga, jiran tetangga dan rakan-rakan bagi menyambut hari yang bermakna ini. Ciri-ciri ini mencerminkan aspirasi KitKat® iaitu “**Have a Break, Have A Kitkat**”, dalam menggalakkan saat-saat yang bermakna, kebersamaan dan berkongsi rezeki sepanjang musim perayaan ini,” kata Frederic.

Tahun ini, KitKat® memperkenalkan KitKat® Ketupat edisi terhad Raya iaitu kombinasi wafer rangup yang disaluti dengan lapisan coklat susu yang enak dan buat pertama kalinya didatangkan dengan motif ‘Ketupat’ yang diterap pada bar coklat KitKat® 4-Jejeri. Ketupat ialah hidangan ikonik yang sering dihidangkan semasa bulan Ramadan dan Hari Raya. Ia diperbuat daripada nasi yang dihimpit dalam bungkusan sulaman daun kelapa. Corak sulaman Ketupat yang halus melambangkan *Silaturrahim*, iaitu ikatan perhubungan dan persahabatan baik yang wujud dalam budaya Malaysia serta tradisi Islam – seterusnya menandakan inti pati kempen “*Rezeki Dikongsi Bersama*” KitKat®. Sehubungan dengan itu, KitKat® Ketupat berharap dapat menyebarkan kasih sayang, kebahagiaan dan hubungan erat ke setiap rumah semasa meraikan Raya dan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk berkongsi rezeki!

KitKat® Ketupat edisi terhad Raya hadir dalam empat koleksi rekaan unik, setiap satu menandakan warisan tradisi Raya dan sesuai dijadikan sebagai hadiah Raya yang enak untuk dikongsi dan ‘cele-break’ bersama keluarga dan rakan-rakan. KitKat® Ketupat terdapat dalam dua format pembungkusan yang berbeza - KitKat® Ketupat 4 Jejeri 4 Multipack dan KitKat® Ketupat 4 Jejeri 2 Multipack.

KitKat® turut berganding bahu dengan jenama fesyen kontemporari tempatan, Mimpikita. Kolaborasi KitKat® x Mimpikita Pek Edisi Raya ini termasuk sebuah gelas minuman Luminarc yang direka khas oleh Mimpikita bersama 2 pek KitKat® Mini 9g Sharebags. Terdapat tiga reka bentuk eksklusif untuk dikumpulkan.

Pelancaran kempen Raya “**Rezeki Dikongsi Bersama**” **KitKat**® turut disertai oleh dua selebriti tempatan, MK K-Clique dan Nabila Razali yang mendendangkan lagu tema “**Rezeki Dikongsi Bersama**” **KitKat**® dalam muzik video animasi Raya KitKat® yang terbaru. Dengan memaparkan nilai-nilai murni yang lazim di bulan Ramadan dan Raya, muzik video animasi Raya KitKat® meraikan saat-saat bermakna yang menyatukan setiap insan semasa musim perayaan ini. Muzik video animasi ini diilhamkan oleh watak-watak yang terdapat pada bungkusan KitKat® Ketupat yang menampilkan kepelbagaian, kebersamaan dan keriangan ketika berkongsi rezeki.

MK K-Clique menyatakan, walaupun makanan merupakan ciri penting dalam sambutan Ramadan dan Hari Raya, namun musim perayaan akan menjadi lebih bermakna jika boleh berkongsi rezeki dengan orang-orang yang terdekat. “Saya berbesar hati dapat kembali dan menyertai kempen “**Rezeki Dikongsi Bersama**” **KitKat**® bersama Nabila Razali pada tahun ini. Kami harap lagu ini dapat meriangkan lagi suasana Ramadan dan Hari Raya untuk semua,” tambah MK lagi. Layari [LINK](#) atau YouTube KitKat® untuk menonton muzik video animasi Raya KitKat®.

Bersempena dengan kempen Raya “**Rezeki Dikongsi Bersama**”, KitKat® menyalurkan sumbangan RM10,000 kepada AEON Mesra, sebuah inisiatif jangkauan komuniti oleh Yayasan AEON Malaysia. Dengan usaha mendekati komuniti ini, kanak-kanak kurang berkemampuan dapat berkongsi kegembiraan dan keseronokan musim perayaan dengan membeli-belah di pasar raya AEON, sebagai persiapan menyambut Hari Raya yang bakal tiba.

Selain itu, rakyat Malaysia juga boleh berkongsi ‘rezeki’ mereka dengan melayari saluran **YouTube**, **Facebook** dan **Instagram** **KitKat**® dan tekan butang “LIKE” pada muzik video animasi Raya KitKat® yang menampilkan MK K-Clique dan Nabila Razali. KitKat® akan **menyumbang RM2 untuk setiap "LIKE" yang diperoleh, sehingga RM100,000**, dengan semua hasil akan disalurkan kepada organisasi amal yang terpilih. Tertakluk pada terma dan syarat.

Mulai 30 Mac hingga 2 April 2023, KitKat® akan mengadakan pameran pengguna selama 4 hari bertempat di LG2 Central Avenue, Sunway Pyramid yang menyediakan pelbagai aktiviti dan tawaran menarik.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.nestle.com.my/brands/confectionery>, FB di <https://www.facebook.com/KitKatMalaysia> dan IG di www.instagram.com/KitKatMalaysia

Mengenai KITKAT Nestlé

Dicipta pada tahun 1935, KITKAT menjadi sebahagian daripada rangkaian produk konfeksi Nestlé pada tahun 1988, dan telah berkembang menjadi satu daripada jenama terbesar Nestlé. Snek ringan ini merupakan salah satu jenama coklat kegemaran Malaysia dan dieksport ke 14 negara di seluruh dunia. KITKAT Nestlé merupakan jenama konfeksi global pertama menggunakan 100% koko yang diperolehi secara lestari menerusi Pelan Koko Nestlé.

Ungkapan “Have a break, have a KITKAT” (Berehat sebentar, Bersama KITKAT) menggambarkan dengan tepat misi KITKAT – untuk membantu anda berehat sebentar apabila

anda paling memerlukannya. Raikan saat-saat keseronokan, kespontanan, kelazatan, nikmat, dan ganjaran bersama KITKAT. Sama ada anda terbenam dalam timbunan kertas dan fail kerja atau anda bekerja seperti jentera, anda boleh menikmati kudapan manis ini, yang diperbuat daripada 100% koko lestari, pada bila-bla masa, di mana-mana sahaja dan dengan apa jua cara. KITKAT ialah produk buatan tempatan 100% Halal yang dikeluarkan di kilang Nestlé yang disahkan Halal di Chembong, Negeri Sembilan.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

For more information, please contact:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Mobile +60 12 235 6865

E-mail: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Nurul Atiqah Mustapa

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138

Mobile +60 19 234 1115

E-mail: nurul.atiqah@perspective.com.my